

21 NOV 1996

MOFAZ AKAN PAMER KERETA LUMBA LAGEN SEMASA LIMOS '96

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Kumpulan Mofaz akan mempamerkan dua buah kereta lumba `Lagen' satu tempat duduk yang popular di Amerika Syarikat pada Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (Limos `96) yang bermula akhir bulan ini di sini.

Presiden Kumpulan Mofaz, Haji Mohamed Fauzy Abdul Hamid hari ini berkata ini julung kalinya kereta lumba jenis salun itu dipertontonkan kepada umum di Asia.

Tujuan Mofaz ialah untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sirkit lumba kereta bertaraf antarabangsa, katanya kepada pemberita di sini.

Sebagai menjayakan matlamat itu juga, Kumpulan Mofaz dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) menganjurkan acara Asean Kart Prix 1996 di Litar Kart Antarabangsa Morac, di sini, mulai esok hingga 24 Nov.

Selain kereta lumba itu, Kumpulan Mofaz juga akan mempamerkan kira-kira 50 buah motosikal berkuasa tinggi dan rendah pelbagai jenama. Antaranya, motosikal Guzzi model Sentaro berkuasa 1,200 s.s. buatan Itali yang baru dilancarkan bulan ini serta motosikal Ducati 916SP.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Limos `96 pada 1 Dis. Pameran itu berakhir 8 Dis. -- BERNAMA

ZI MFJ RON